

Kerajaan mahu pastikan rakyat nikmati hidup lebih baik tahun 2020 – PM

UM - 6 JUN 1991 Oleh Badrul Azhar Rahman (P)

KUALA LUMPUR 5 Jun — Matlamat untuk mencapai negara maju pada tahun 2020 bukan hanya semata-mata daripada segi pencapaian perindustrian yang tinggi tetapi juga untuk memastikan rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dari sekarang.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rancangan yang disambut baik oleh rakyat itu bukanlah satu cita-cita yang di luar kemampuan, malah boleh dicapai jika semua pihak memberi kerjasama.

"Matlamat kerajaan sebenarnya adalah untuk melihat rakyat negara ini menikmati kehidupan yang lebih baik dari sekarang," katanya semasa menyebarkan ucapan tahniah bagi pihak kerajaan dan rakyat pada istiadat pengurniaan darjah - darjah kebesaran dan bintang-bintang sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara hari ini.

Menurut beliau, apa yang perlu sekarang adalah semua pihak memahami konsep wawasan itu dan melaksanakannya dengan berkesan.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa keamanan dan kestabilan pada masa ini membolehkan negara terus mengalami pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan.

Menurutnya, ekonomi negara tahun ini dijangka mencapai kadar pertumbuhan melebihi 8 peratus iaitu bagi tempoh empat tahun berturut-turut.

"Keadaan ini adalah kerana wujudnya kerajaan yang kukuh dan stabil serta rakyat berbilang kaum yang terus bersatu," ujarnya.

Kerajaan kata beliau, akan terus berusaha mewujudkan suasana pelaburan yang baik di samping usahanya untuk menggalakkan sektor swasta memainkan peranan penting.

Dasar jimat cermat

"Langkah-langkah bagi mengatasi masalah yang dibawa oleh pertumbuhan pesat ekonomi iaitu kekurangan pekerja dalam sektor - sektor tertentu dan tekanan ke atas kemudahan infrastruktur juga akan dilakukan oleh kerajaan," tegas Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Bagi memastikan kedudukan kewangan negara terus kukuh, beliau menjelaskan, kerajaan akan terus mengamalkan dasar jimat cermat dan berbelanja mengikut hasil pendapatan negara.

Menurutnya, tahun 1991 amat penting bagi negara kerana pada tahun ini kerajaan akan membentangkan Rangka Rancangan Jangka

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

KERAJAAN MAHU PASTIKAN RAKYAT NIKMATI HIDUP LEBIH BAIK

Panjang (OPP) Yang Ke-2 yang mengandungi Dasar Pembangunan Baru serta Rancangan Malaysia Keenam (RMK).

Katanya, OPP yang dirangka akan memandu pembangunan negara dalam dekad yang akan datang iaitu tahun 1991 hingga tahun 2000 dengan lebih ber-

kesan.

Melalui dasar ini, kata Perdana Menteri, kerajaan akan melaksanakan program-program bagi mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang supaya wujud satu masyarakat yang lebih bersatu-padu dan adil.

Beliau menjelaskan bahawa keadaan keselamatan negara pada keseluruhannya adalah terkawal dan kerajaan akan terus berwaspada.

Perdana Menteri mengucapkan tahniah dan menyebarkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Yang

di-Pertuan Agong sebagai raja yang memerintah.

Menurut beliau, minat yang ditunjukkan oleh Seri Paduka terhadap fungsi berbagai kementerian dan jabatan kerajaan meninggikan lagi semangat kakitangan kerajaan keseluruhannya.